



NEGERI PERLIS

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERLIS GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

**Jil. 51**

**6hb November 2008**

**No. 23**

---

---

**KANUN TANAH NEGARA**  
(Akta 56 tahun 1965)

**No. 65.**

(Seksyen 168)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG  
BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah-tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik keluaran hilang.

JADUAL

Bandar/Pekan Mukim	No. Lot/Bahagian dan No. Fail	Keluasan/Jenis dan No. Surat Hakmilik	Resit
Utah Aji	1253 —	Hektar 0.2808 GM 200	080925040028
Kuala Perlis	727 —	3.0133 GM 315	080926040014
Sanglang	121 —	1.6061 GM 215	080925040026
"	118 —	0.1821 GM 250	080925040026

Bandar/Pekan Mukim	No. Lot/Bahagian dan No. Fail		Keluasan/Jenis dan No. Surat Hakmilik		Resit
			Hektar		
Sanglang	125	—	0.5261	GM 254	080925040026
Seriab	2642	—	0.5109	GM 2131	080930040009
Kechor	1701	—	0.1203	GM 523	081007040051
			Ekar		
Kurong Anai	3712	—	7.9565	GM 1709	0810080479

Bertarikh 13 Oktober 2008  
 [PTG.(Ps.)(R) 385/58 PT. 8 JLD. 1]

MASLINA BINTI CHE LIN @ HALIM  
*Penolong Pentadbir Tanah  
 Perlis*

**No. 66.**

(Seksyen 187B)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN DOKUMEN HAKMILIK  
 KELUARAN SEMENTARA YANG BARU

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 187B, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran sementara bagi tanah-tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik keluaran hilang.

JADUAL

Bandar/Pekan Mukim	No. PT/Bahagian dan No. Fail		Keluasan/Jenis dan No. Surat Hakmilik		Resit
			Hektar		
Sanglang	Bhg. 22	—	0.2858	HSM 515	081008040010
"	Bhg. 21	—	1.1508	HSM 514	081008040010

Bertarikh 13 Oktober 2008  
 [PTG.(Ps.)(R) 385/58 PT. 8 Jld. 1]

MASLINA BINTI CHE LIN @ HALIM  
*Penolong Pentadbir Tanah  
 Perlis*

**No. 67.**

(Seksyen 257 dan 263)

## PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Alia Suzila binti Chek Pi, Pentadbir Tanah pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah ini:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 24 Mac 2009 pada 10.00 pagi di Jabatan Tanah dan Galian Negeri Perlis; dan
  - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM45,000.00 (Ringgit Malaysia Empat Puluh Lima Ribu Sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada \*pemegang gadaian/pemegang-pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM51,915.59. Nama pemegang gadaian—Malayan Banking Berhad.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas—RM4,500.00 (Ringgit Malaysia Empat Ribu Lima Ratus Sahaja);
  - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
  - (c) di mana amaun harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
    - (i) maka, jumlah wang yang dinyatakan di dalam perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian dibayar; dan
    - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah wang yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah wang yang kena bayar kepada pemegang gadaian;
  - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh 22 Julai 2009 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang dinyatakan; dan

- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang dinyatakan di bawah seksyen 267.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Oran. No. Lot/Petak/P.T.—PT256. Jenis dan No. Hakmilik—HSM 253. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Pers No. 987/1991 (Satu hakmilik sahaja).

Bertarikh 23 September 2008  
[PTG.Ps.(R) 1/80F 1723(8A)]

ALIA SUZILA BINTI CHEK PI  
*Penolong Pentadbir Tanah*  
*b.p. Pengarah Tanah dan Galian*  
*Perlis*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
CAWANGAN ALOR STAR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA